

Pesta dadah PD kena serbu

SEREMBAN - Sekumpulan 27 orang anak muda ada cara tersendiri mengisi cuti hujung-minggu yang juga serentak dengan sambutan Hari Belia Negara 2010 semalam dengan menyertai pesta dadah dalam bilik di sebuah pusat peranginan di Port Dickson.

Bagaimanapun, hajat mereka itu tidak kesampaian apabila bilik yang diubahsuai menjadi seperti pusat hiburan itu diserbu polis cawangan Narkotik, Ibu pejabat Polis

Daerah Port Dickson pada pukul 3 pagi semalam.

Hasil siasatan yang dijalankan, sembilan daripada mereka memiliki dadah jenis ketamin manakala tujuh remaja lelaki dan empat remaja perempuan didapati positif dadah.

Kosmo! Ahad difahamkan ketika serbuan, kumpulan remaja berkenaan dalam keadaan khayal dipercayai di bawah pengaruh da-

dah.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Suprintendan Baljeet Singh berkata, kesemua suspek itu berusia dari 16 tahun hingga 24 tahun.

"Kita masih siasat dari mana mereka mendapat bekalan dadah itu," katanya.

Menurut beliau, lima daripada remaja yang ditahan itu adalah pelajar kolej dari Lembah Klang.

Kosmo

16/05/2010 NIS 2



FOTO rakaman semula menunjukkan beberapa orang remaja lelaki yang ditahan selepas menghadiri pesta dadah di sebuah pusat peranginan di Port Dickson semalam.



TIGA remaja perempuan ini turut ditahan kerana disyaki terlibat dalam pesta dadah tersebut.